

PM: Firma bioteknologi ternama minat melabur

2 4M MS 10/6/04

SAN FRANCISCO 9 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beberapa syarikat dan firma bioteknologi terkemuka dunia menunjukkan minat untuk mengembangkan pelaburan di Malaysia setelah beliau secara terbuka membuat pelawaan itu hari ini.

Menurut Perdana Menteri, maklum balas yang diterima positif selepas beliau memberi penerangan bahawa Malaysia kini memberi tumpuan dalam bidang tersebut yang diyakini dapat menjana sumber kekayaan dan pendapatan kepada rakyat.

Malahan, kata beliau, kerajaan bersedia memberi pelbagai kemudahan kepada firma bioteknologi terbabit, termasuk berupa insentif sekiranya mereka berhasrat bertapak di Malaysia.

“Saya telah mencadangkan kepada mereka supaya datang ke Malaysia dan saya percaya mereka akan berbuat demikian

kerana kerajaan memberi galakan kepada pertumbuhan industri (bioteknologi) ini.

“Ia (nanti) akan digunakan untuk menjana pelbagai pertumbuhan iaitu bukan hanya meningkatkan kualiti hasil pertanian, penternakan dan perikanan malahan juga dalam industri perubatan tradisional dan herba,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia setelah menghadiri majlis makan tengah hari bersama 15 syarikat dan firma bioteknologi ternama dari Amerika Syarikat dan Switzerland di Hotel Hilton San Francisco di sini hari ini.

Kebanyakan firma terbabit mengkhusus dalam bidang pengeluaran ubat-ubatan farmaseutikal antaranya seperti Hudson Health Science Centre, Novartis Institute, Chiron Biopharmaceuticals dan Inhibitex.

Terdahulu Abdullah yang tiba di sini pagi ini mengambil kesempatan melawat ruang pame-

ran beberapa firma bioteknologi yang menyertai Konvensyen Persatuan Industri Bioteknologi (BIO) 2004 di Pusat Moscone di sini. Abdullah berkata, beliau turut membangkitkan kepada firma-firma bioteknologi yang ditemuinya hari ini mengenai keyakinan Malaysia bahawa bidang bioteknologi berupaya menjadi industri yang mampu berkembang maju dalam ekonomi negara.

“Saya juga menyatakan bahawa kita juga akan membangunkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang ada hubung-kaitnya dengan teknologi bioteknologi,” katanya.

Namun Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia kini memberi keutamaan kepada bioteknologi, kerajaan tetap juga akan memberi tumpuan kepada industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sebagai satu pembangunan yang penting.

Ditanya mengenai bentuk in-

sentif khusus yang akan diberikan kepada firma bioteknologi yang berhasrat melabur di Malaysia, Abdullah berkata:

“Kita ada kemudahan seperti biasa, kalau ada insentif dalam bidang ini maka tentulah ia akan sama seperti insentif lain yang pernah diberikan sebelum ini,” katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas sama ada kerajaan akan memberi insentif serupa seperti yang diberikan kepada firma asing yang terlibat dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Bioteknologi merupakan bidang baru yang diterokai Malaysia setelah mengharungi era ICT selama dua dekad.

Bagitupun ICT masih tetap menjadi keutamaan setelah prestasi yang ditunjukkan oleh MSC sejak tujuh tahun lalu dalam menawarkan peluang pekerjaan kepada 10,000 orang menerusi nilai eksport sebanyak AS\$2 bilion setahun. — *Utusan*